



## **PEMBERITAHUAN (Ruj: PKPP/MPKangar/02)**

### **FASA PERTAMA PEMBUKAAN SEMULA PASAR MALAM (TERKAWAL) DAN PASAR PAGI (TERKAWAL) DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

Berikutan pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Kangar akan membuka semula Pasar Malam dan Pasar Pagi secara berperingkat. Bagi fasa pertama, **pembukaan Pasar Malam (Terkawal) dan Pasar Pagi (Terkawal) adalah mulai 23 JUN 2020 ( SELASA )**. Butiran pelaksanaan adalah seperti di bawah :

#### **1. LOKASI DAN WAKTU OPERASI**

**1.1. Lokasi dan waktu operasi Pasar Malam (Terkawal) dan Pasar Pagi (Terkawal) adalah seperti berikut :**

|           | <b>Lokasi</b>                                       | <b>Pasar Pagi<br/>(Terkawal)</b><br><br><b>Waktu operasi :<br/>7.00 Pagi-<br/>12.00 Tengahari</b> | <b>Pasar Malam<br/>(Terkawal)</b><br><br><b>Waktu operasi :<br/>4.00 Petang-<br/>10.00 Malam</b> |
|-----------|-----------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>1.</b> | <b>Tapak Sebelah Kompleks Dewan Undangan Negeri</b> | <b>TIADA</b>                                                                                      | <b>RABU</b>                                                                                      |
| <b>2.</b> | <b>Tapak Berhadapan Pasar Kuala Perlis</b>          | <b>AHAD</b>                                                                                       | <b>SELASA</b>                                                                                    |
| <b>3.</b> | <b>Tapak Sebelah Kompleks Bazar Simpang Empat</b>   | <b>SELASA</b>                                                                                     | <b>JUMAAT</b>                                                                                    |
| <b>4.</b> | <b>Tapak Sebelah Pasar Arau</b>                     | <b>RABU</b>                                                                                       | <b>JUMAAT</b>                                                                                    |
| <b>5.</b> | <b>Tapak Nat Bukit Keteri</b>                       | <b>JUMAAT</b>                                                                                     | <b>SELASA</b>                                                                                    |

**1.2. Pembukaan operasi Pasar Malam dan Pasar Pagi selain daripada lokasi yang dinyatakan di dalam jadual di atas adalah TIDAK DIBENARKAN.**

## **2. JENIS PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN**

### **2.1 Jenis perniagaan yang dibenarkan adalah seperti berikut :**

- a. Makanan dan minuman (bermasak & kering)
- b. Bahan mentah makanan
- c. Buah-buahan

### **2.2 Jenis perniagaan lain selain daripada yang dinyatakan di atas adalah masih belum dibenarkan.**

## **3. SYARAT-SYARAT PENGOPERASIAN**

### **3.1 Syarat-Syarat Umum Pemegang Lesen Penjaja Pasar Malam / Pasar Sehari**

- a. Pemegang lesen Pasar Malam / Pasar Sehari Majlis Perbandaran Kangar sedia ada sahaja dan lesen hendaklah tidak tamat tempoh.
- b. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesen di bahagian / sudut yang mudah dilihat di dalam kawasan petak niaga / kanopi.
- c. Pemegang lesen hendaklah sentiasa hadir menjalankan dan mengawasi perniagaan.
- d. Pemegang lesen DILARANG memindah milik atau menyewa atau menjual petak gerai yang dikeluarkan lesen.
- e. Pemegang lesen hendaklah sentiasa menyelenggara dan memastikan petak niaga dan perkakas berkaitan perniagaan berada dalam keadaan bersih.
- f. Mematuhi saiz petak niaga, tempoh, waktu perniagaan yang diluluskan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak Majlis.
- g. Sentiasa menjaga kebersihan petak niaga semasa dan selepas waktu operasi perniagaan. Sampah sarap hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik, diikat dan dilupuskan di tempat yang dibenarkan oleh pihak berkuasa.
- h. Mempamerkan tanda harga barangan jualan.
- i. Hanya melantik pembantu (maksimum 2 orang) warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas.

- j. Peniaga makanan / minuman hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut :
  - i. Memakai pakaian bersih, penutup kepala, sarung tangan dan apron semasa menjalankan perniagaan.
  - ii. Mendapatkan suntikan pelalian tifoid dan menyimpan kad suntikan berkenaan. Peniaga yang telah mempunyai kad suntikan pelalian tifoid hendaklah memastikan ianya masih sah tempoh.
  - iii. Mendapatkan Sijil Kursus Pengendalian Makanan yang dikendalikan oleh institusi yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

### **3.2 Syarat-Syarat Khusus Pencegahan COVID-19 Bagi Pelesen Dan Pembantu / Pekerja**

- a. Pelesen dan pembantu / pekerja adalah digalakkan memakai *face mask* dan *face shield* serta dimestikan memakai sarung tangan dan apron pakai buang.
- b. Pelesen dan pembantu / pekerja yang mempunyai gejala batuk dan selsema TIDAK dibenarkan menjalankan perniagaan pada hari tersebut.
- c. Peniaga dan pembantu / pekerja MESTILAH tidak terlibat sebagai PUS (*Patient Under surveillance*) dan PUI (*patient Under Investigation*) atau Perintah Kuarantin.
- d. Pelesen dan pembantu / pekerja yang mempunyai suhu melebihi 37.5°C DILARANG sama sekali memasuki kawasan tapak niaga.
- e. Jumlah pelesen dan pembantu / pekerja di setiap gerai adalah terhad kepada tiga (3) orang sahaja iaitu 1 pelesen dan 2 pembantu / pekerja.
- f. Pelesen dan pembantu / pekerja hendaklah memuat turun dan mendaftar dalam aplikasi MYSejahtera atau merekodkan kehadiran di dalam buku pendaftaran bagi tujuan '*contact tracing*'.
- g. Pelesen dan pembantu / pekerja HENDAKLAH memastikan pelanggan di setiap gerai mematuhi penjarakan sosial 1 meter antara satu sama lain.

### **3.3 Kedudukan Gerai Dan Petak Niaga**

- a. Perlu mewujudkan jarak sosial minimum 8 kaki (2.5 meter) antara petak niaga atau jarak yang dibenarkan oleh pihak berkuasa berdasarkan keadaan di tapak.
- b. Saiz maksimum gerai atau petak niaga yang dibenarkan adalah 10'x20' sahaja.
- c. Dilarang mendirikan struktur kekal di tapak.
- d. Tapak niaga hendaklah dikosongkan selepas tamat waktu operasi.

### **3.4 Konsep Jualan**

- a. Secara bungkus (take away) sahaja.

### **3.5 Kawalan Kemasukan Pengunjung**

- a. Setiap pengunjung DIMESTIKAN membuat saringan suhu badan, menggunakan hand sanitizer dan digalakkan memakai *face mask* apabila masuk ke kawasan pasar.
- b. Pengunjung yang mempunyai suhu melebihi 37.5°C DILARANG sama sekali memasuki kawasan pasar.
- c. Pengunjung dimestikan memuat turun dan mendaftar dalam aplikasi MYSejahtera atau merekodkan kehadiran di dalam buku pendaftaran bagi tujuan '*contact tracing*'.
- d. Pengunjung yang terlibat sebagai PUS (Patient Under Surveillance) dan PUI (Patient Under Investigation) atau Perintah Kuarantin TIDAK dibenarkan memasuki kawasan pasar.
- e. Bagi pengunjung yang mempunyai gejala batuk dan selesema TIDAK dibenarkan masuk ke kawasan pasar.
- f. Hanya dua (2) orang bagi satu keluarga sahaja yang dibenarkan masuk ke kawasan pasar.
- g. Pengunjung mestilah berumur 13 tahun dan ke atas sahaja.
- h. Tempoh yang dihadkan untuk berada dalam kawasan pasar hanya maksima 30 minit bagi setiap pengunjung.
- i. Pergerakan dalam kawasan pasar adalah secara sehalu sahaja menggunakan laluan pintu masuk dan keluar yang ditetapkan.

- j. Pihak berkuasa adalah berhak melakukan kawalan bilangan pengunjung dalam kawasan pasar pada satu-satu masa.

### **3.6 Kawalan Operasi dan Penguatkuasaan**

- a. Tindakan kompaun, sitaan peralatan perniagaan atau penutupan serta merta sekiranya gagal mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan.
- b. Peniaga dan pengunjung yang gagal mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan boleh dikenakan tindakan di bawah undang-undang yang berkuatkuasa.

## **4. TARIKH KUATKUASA**

- 4.1 Tarikh kuatkuasa Prosedur Operasi Standard (SOP) ini adalah bermula dari **17 JUN 2020 hingga 31 OGOS 2020** dan tertakluk kepada pindaan selaras dengan perubahan dasar-dasar baharu dan arahan semasa yang berkuatkuasa.
- 4.2 Para pelesen, pembantu / pekerja dan pengunjung adalah terikat dengan pematuhan terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) dari Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Pihak Berkuasa Negeri dan Majlis Perbandaran Kangar.

**Arahan :**

***YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR  
17 JUN 2020***